

Mendayakan Sektor Automotif

BANYAK daripada kalangan masyarakat negara ini, khususnya pihak yang terlibat dalam industri automotif, tertanti-nanti khabar yang lebih baik yang dapat menyokong pembangunan yang mampan bagi sektor ini apabila negara mengalami perubahan tampuk pemerintahan. Semua menaruh harapan yang tinggi supaya sektor automotif negara berupaya mendepani cabaran pasaran global dan domestik, sekali gus memberikan manfaat kepada pelbagai pihak.

Situasi sektor automotif yang agak suram beberapa tahun belakang ini berikutan iklim ekonomi yang tidak memberangsangkan, sentimen pengguna yang lemah dan kedudukan nilai Ringgit yang menyusut, perlu dibangkitkan untuk berhadapan dengan pasaran terbuka yang lebih mencabar. Dalam hal ini, masing-masing mengharapkan kerajaan baharu dapat melakukan perubahan yang signifikan untuk mencorakkan industri automotif negara agar dapat kembali melakarkan kecemerlangannya.

Meninjau sejarah awal dunia automotif negara, sejak Proton Holdings Berhad (Proton) ditubuhkan pada tahun 1985, Malaysia berjaya membangunkan keupayaan industri automotif secara bersepadu merangkumi rekaian tempatan dan keupayaan reka bentuk, operasi pengeluaran berskala penuh dan penyertaan tempatan yang meluas dalam pembekalan komponen. Malaysia merupakan pasaran kenderaan penumpang terbesar di ASEAN dengan jualan tahunan melebihi 500 ribu kenderaan dengan 90 peratus daripadanya dibuat dan dipasang di dalam negara.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada kejayaan negara dalam membangunkan industri automotif tempatan didorong oleh dasar yang menyokong pengeluaran kenderaan tempatan. Seperti yang dijangkakan, cabaran global dan domestik akan menguji kemampuan industri automotif di negara ini. Industri global semasa mempamerkan pertumbuhan yang lembap, kemusnahan




Foto: pandulaju.com.my

nilai dan rasionalisasi besar-besaran yang mendesak pengeluar kenderaan tempatan untuk bergabung bagi mencapai tahap skala yang lebih tinggi. Menyedari persekitaran global ini, Dasar Automotif Nasional (DAN) dirangka dengan tujuan untuk menangani pelbagai masalah dan cabaran tersebut serta mentransformasikan sektor automotif tempatan supaya lebih berdaya tahan, berdaya saing dan menjadi penyumbang yang besar kepada ekonomi.

Seterusnya melalui dasar dan sokongan yang ada, kerajaan menumpukan perhatian kepada peserta industri automotif yang berupaya memberikan sumbangan ekonomi yang mampan. Pemacu utama untuk sumbangan ekonomi tersebut merupakan skala yang ekonomik, rantai industri dan aktiviti nilai tambah yang kompetitif.

Namun begitu, apabila prestasi sektor automotif tidak berkembang secara selari dengan peningkatan teknologi tinggi di peringkat global, hal ini turut memberikan impak kepada pertumbuhan sektor itu yang



Control No: 000275292

File no: AUTA02.pdf

Automobiles - General

pg = 9 - 11

menyusut, di samping disebabkan oleh faktor yang lain seperti iklim ekonomi yang dingin dan nilai mata wang yang semakin merosot.

Sungguhpun begitu, apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad diisytiharkan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh, banyak yang menjangkakan akan berlaku anjakan terhadap industri yang berdaya saing ini. Hal ini ternyata benar apabila Tun Dr. Mahathir mengesyorkan kajian semula DAN. Beliau bercadang untuk memperkenalkan kembali dasar yang mengekang kemasukan kereta import demi memperkasakan Proton dan pemain industri automobil keluaran domestik.

Negara seperti Amerika Syarikat, Jerman, dan Korea Selatan, terdapat titik persamaan untuk maju, iaitu meletakkan industri berteknologi tinggi yang pesat sebagai sasaran utama.

Mungkin ada dalam kalangan kita yang tidak bersetuju dengan cadangan ini kerana beranggapan tindakan ini bakal mengundang peningkatan harga kereta di Malaysia. Peningkatan harga kenderaan untuk naik tidak mustahil akan berlaku, namun apa-apa yang tersirat di balik hasrat Perdana Menteri itu harus juga diberikan perhatian.

Dalam hal ini, Tun Dr. Mahathir melihat perkara tersebut lebih jauh ke hadapan dengan menasaskan harapan untuk mengembangkan sektor perindustrian berat berteknologi tinggi, memandangkan negara kita pada hakikatnya, sudah jauh ketinggalan dari segi teknologi terkini. Hal ini amat tidak seiring dengan misi negara

untuk mencapai tahap negara maju menjelang 2020.

Oleh hal yang demikian, untuk mencapai tahap negara maju, Malaysia seharusnya memastikan kita tidak terkebelakang dari segi pengaplikasian teknologi tinggi dalam semua sektor, terutamanya dalam usaha untuk mendayakan sektor automotif negara. Sebahagian besar negara maju di dunia seperti Amerika Syarikat, Jerman, dan Korea Selatan, terdapat titik persamaan antara mereka yang menjadi aspirasi untuk terus maju dan berdaya saing, iaitu meletakkan industri berteknologi tinggi yang pesat sebagai sasaran utama. Hal ini penting kerana berupaya memberikan jaminan untuk meningkatkan produktiviti sesebuah negara.

Peningkatan produktiviti yang tinggi pula menghasilkan rantaian bekalan yang sangat luas. Setiap peringkat dalam rantaian bekalan ini mempunyai nilai tambah yang mampu diagihkan kepada beribu-ribu industri kecil yang lain. Sebagai contoh, sebuah industri automobil dari peringkat pengeluaran, memerlukan kontraktor perkilangan, barang kilang, seterusnya komponen enjin, komponen pintu, tayar, rekaan dalaman, dan pelbagai lagi. Dengan begitu banyak komponen yang diperlukan untuk pembuatan sesebuah kereta, sudah tentu hal ini memberikan peluang kepada industri kecil untuk memacu perniagaan masing-masing.

Pada suatu ketika dahulu, Malaysia sudah pun melalui revolusi perindustrian yang pada dekad 1980-an hingga awal 2000. Selepas itu, negara mengalami perubahan dengan lebih

memberikan perhatian kepada sektor pertanian apabila bertukar pucuk pimpinan dan seterusnya, sektor perkhidmatan pula mendapat penekanan dalam dasar kerajaan. Perkembangan ini sekali gus menyebabkan perhatian kepada sektor automobil nasional semakin berkurangan dan akibatnya, berlaku penguncupan terhadap industri berat tempatan.

Oleh itu, untuk mendayakan semula industri berteknologi tinggi, khususnya bagi sektor automotif, kerajaan harus lebih giat menarik lebih banyak pelabur asing untuk bertapak di Malaysia untuk menghasilkan jentera, mesin, automobil dan barangan elektronik yang selari dengan perkembangan teknologi tinggi dan bertepatan dengan era Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) yang melanda dunia kini.

Pada masa yang sama, negara harus memberikan peluang dan dorongan kepada anak tempatan untuk berkecimpung dalam bidang industri berat berteknologi tinggi. Meskipun mahu tidak mahu kerajaan terpaksa mengetatkan syarat kemasukan kenderaan import, justeru hasrat Tun Dr. Mahathir itu harus disokong sebarang inisiatif untuk memperkasakan industri tempatan. Hal ini dikatakan demikian kerana kegagalan untuk meningkatkan tahap penggunaan teknologi tinggi di Malaysia bermakna negara kita akan terus terperangkap dalam kelompok negara berpendapatan sederhana.

Sehubungan dengan hal itu, hasrat kerajaan untuk melancarkan projek kereta nasional ketiga menjelang tahun 2020 pula perlu disambut dengan baik dan tidak seharusnya dipandang

serong serta membimbangkan pemain industri, termasuk Proton Holdings Berhad (Proton). Namun begitu, menurut Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Dr. Li Chunrong, industri automotif sememangnya berdepan dengan persaingan dan banyak bergantung pada cara setiap entiti untuk menghadapi segala kemungkinan yang boleh berlaku.

Pada masa ini, Proton banyak menumpukan perhatian terhadap usaha untuk memperbaiki kualiti produknya, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Baginya hal ini lebih penting kerana menjadi perkara asas untuk menjamin peningkatan jualan Proton serta memastikan agar pengguna sentiasa mendapat produk yang terbaik.

Dalam hal ini, peserta industri memang seharusnya komited untuk meneroka peluang pasaran baharu tanpa terlalu bergantung pada keperluan pada peringkat domestik. Oleh hal yang demikian, pasaran eksport perlu menjadi sebahagian daripada perancangan syarikat automotif. Malaysia seharusnya menjadi peneraju bagi sektor automotif pada peringkat rantau Asia Tenggara dan kerajaan pasti akan terus bekerjasama erat dengan semua pihak berkepentingan bagi menggalakkan perkembangan industri automotif tempatan. •

Perhatian kepada sektor automobil nasional semakin berkurangan dan akibatnya berlaku penguncupan terhadap industri berat tempatan.

